

# Ambil inisiatif sendiri fahami ajaran Islam sebenar

UM 15 DEC 2001

PUTRAJAYA 14 Dis. — Umat Islam perlu berusaha mengambil inisiatif sendiri untuk memahami ajaran Islam sebenar dan tidak hanya terlalu bergantung kepada interpretasi pihak lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini penting kerana ia dapat mengelak umat Islam daripada terus terpesong daripada ajaran Islam sebenar.

“Bagi mengelak kita daripada membuat kesilapan, kita perlu memahami Islam dengan sendiri. Jika ada pihak yang cuba menunjukkan ajaran Islam yang tidak berdasarkan ajaran Islam sebenar kita boleh menegurnya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab Kuasa Usaha Afghanistan di Malaysia, Abdul Sattar Murad pada majlis dialog dan terbuka puasa bersama duta-duta daripada negara anggota Pertubuhan Islam Antarabangsa (OIC) di Wisma Putra hari ini.

Dalam soalnya, Abdul Sattar menarik perhatian Dr. Mahathir mengenai masalah perbezaan interpretasi ajaran Islam akibat wujudnya golongan yang mendakwa mereka lebih Islam cuba mengajar agama Islam mengikut cara mereka.

Masalah itu, kata Abdul Sattar berlaku di semua negara Islam dan di sesetengah negara ia sudah mencapai tahap yang membimbangkan.

Menurut Dr. Mahathir, dalam menangani masalah itu umat Islam perlu berusaha mendapatkan maklumat yang mencukupi.

Ini katanya, akan dapat membantu mereka untuk me-

nyangkal segala dakwaan dan interpretasi yang dibawakan oleh golongan tersebut.

Dalam hal ini katanya, Malaysia sentiasa menekankan ajaran Islam sebenar dan bukannya ajaran Islam yang betul.

Menurut Dr. Mahathir, meskipun tindakan itu akan menyebabkan golongan yang menyangkal akan dituduh sebagai tidak Islam dan kafir, usaha perlu diteruskan bagi menegakkan ajaran Islam sebenar.

“Saya sendiri dituduh kafir apabila menyangkal dakwaan golongan tersebut,” katanya.

Sementara itu menjawab soalan Duta Arab Saudi, Hamed M.A. Yahya, Dr. Mahathir berkata, semua pihak diberi peluang mengemukakan pendapat atau pandangan untuk menyelesaikan sebarang krisis berkaitan isu agama.

Katanya, kini timbul kecenderungan untuk hanya menerima sepenuhnya pandangan ulama tanpa sebarang perdebatan.

“Bagaimanapun, mereka yang ingin menyangkal kenyataan ulama perlu mempunyai kapasiti maklumat yang mencukupi,” katanya.

Menjawab soalan Duta Sudan, Mohamad Adam Ismail kejayaan Malaysia menghadapi ancaman agama kerana berjaya mengesan masalah itu di peringkat awal.

“Meskipun kita dituduh sebagai terlalu keras namun ia lebih baik daripada melihat masalah itu terus berkembang. Pada masa itu sudah terlambat,” katanya